



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENGGUNAAN APLIKASI eJAMIN DI MAHKAMAH-MAHKAMAH
NEGERI SABAH & SARAWAK**

Bermula 2013, Badan Kehakiman Malaysia telah menerajui inisiatif pendigitalan proses mahkamah secara proaktif. Di bawah inisiatif tersebut, pengurusan kes mahkamah, pemfailan dokumen mahkamah, perbicaraan, pengakuan bersalah kesalahan lalu lintas tertentu, lelongan harta tanah bawah kendalian mahkamah dan banyak lagi inisiatif telah dijalankan secara digital. Inisiatif pendigitalan ini juga melibatkan eJamin, iaitu solusi pembayaran wang jaminan mahkamah yang pertama di dunia menggunakan telefon pintar melalui laman sesawang eJamin (<https://ejamin.my/>).

eJamin telah dilancarkan pada Januari 2020 dan kini aplikasi ini telah tersedia di 164 lokasi mahkamah di Malaysia. Sehingga kini, RM141 juta wang jaminan telah pun dibayar menggunakan platform digital ini yang menghubungkan penjamin, pegawai mahkamah dan bank. eJamin telah berjaya memendekkan proses ikat jamin daripada beberapa jam menjadi cuma beberapa minit dengan membolehkan pembayaran, pemulangan serta pelucutan hak wang jaminan melalui telefon pintar dan pelayar web.

Melalui hasil semakan yang dibuat oleh Pejabat ini, transaksi ikat jamin secara manual masih digunakan di kebanyakan Mahkamah di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, Pejabat ini mengalu-alukan orang awam dan pengamal undang-undang di negeri Sabah dan Sarawak untuk menggunakan aplikasi eJamin bagi pembayaran wang jaminan mahkamah kerana ianya lebih mudah, pantas dan menjimatkan masa. Selain itu, pembayaran wang jaminan melalui aplikasi eJamin ini juga akan dapat mengelak

penjamin dan orang awam beratur di bank dan mahkamah sekaligus akan dapat mencegah penularan wabak COVID-19 dengan mengurangkan keberadaan di tempat-tempat awam.

Di samping itu, selaras dengan hasrat Badan Kehakiman Malaysia untuk memberikan akses kepada keadilan untuk semua lapisan masyarakat, Pejabat ini telah menyediakan poster di dalam enam (6) bahasa yang berlainan iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Dusun, Bahasa Kadazan, Bahasa Murut dan Bahasa Iban. Poster-poster tersebut boleh diakses melalui pautan <https://awanv2.kehakiman.gov.my/index.php/s/jkG3xmt3xKB3RpC>.

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi talian/emel berikut:

Bahagian Pembangunan Strategik dan Latihan

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
03-8880 4099 (Pejabat)
bahagianlatihan@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 9 Disember 2021